



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 6, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel : operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS :600-3/8 Jld.11 (57)

Tarikh : 2 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10 TAHUN 2019 – MENGHADIRI INSIDEN RUSUHAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengeluarkan satu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 10 Tahun 2019 berkaitan Menghadiri Insiden Rusuhan untuk kegunaan dalam pengoperasian.

3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 10 Tahun 2019 – Menghadiri Insiden Rusuhan untuk perhatian dan tindakan pihak YS Dato' / Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ABDUL WAHAB BIN HAJI MAT YASIN)

Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.


- s.k
- i) YAS Ketua Pengarah
 - ii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

'CEPAT DAN MESRA'



SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
4. YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
5. YS Pengarah, Bahagian Latihan
6. YS Pengarah, Bahagian Udara
7. YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah, Bahagian Pengurusan
9. Pengarah, Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
11. YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
13. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
14. YS Pengarah JBPM W.P Kuala Lumpur
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
16. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
17. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
18. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
19. YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
20. YS Pengarah JBPM Negeri Negeri Sembilan
21. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
22. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
23. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
24. YS Pengarah JBPM W.P Labuan
25. YS Pengarah JBPM W.P Putrajaya
26. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah
27. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Timur
28. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Utara

'CEPAT DAN MESRA'

29. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sabah
30. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sarawak
31. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Subang
32. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Bertam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua Unit Pengesan

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 02107



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO: QMS 02101

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 10 TAHUN 2019

MENGHADIRI INSIDEN RUSUHAN

Diedarkan kepada:

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Unit

Semua Pengarah Negeri

Semua Komandan

Semua Penguasa Zon

Semua Ketua Balai

1.0 PENGENALAN

Bagi tujuan mengendalikan dan menguruskan sesuatu insiden yang melibatkan ketenteraman awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa mengutamakan prinsip dasar dalam menangani situasi ancaman ketenteraman awam Majlis Keselamatan Negara. Jabatan dalam masa yang sama juga lebih menekankan keselamatan nyawa pegawai serta keselamatan harta benda jabatan. Dalam situasi tegang dan kacau-bilau Jabatan tidak akan berkompromi berkaitan keselamatan orang awam dan juga keselamatan anggota sendiri.

2.0 PUNCA KUASA

Dalam melaksanakan tugas harian anggota dan pegawai JBPM diberi kuasa di bawah:

2.1 Perlembagaan Persekutuan Jadual Ke 9, Senarai Persekutuan

26. Subject to item 9a of the concurrent list, prevention and extinguishment of fire, including fire services and fire brigade

2.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988

Sek 5(1) dan (2)	- Tugas JBPM
Sek 18	- Kuasa pegawai bomba semasa kebakaran
Sek 19	- Tidak melibatkan kebakaran
Sek 20	- Pengecualian apa-apa ganti rugi

3.0 HAD PEMAKAIAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini digunapakai sebagai panduan semasa menghadiri insiden yang melibatkan **rusuhan dan darurat** serta untuk kegunaan dalaman sahaja.

4.0 TAKRIF DAN HURUF RINGKAS

Situasi Ancaman Ketenteraman Awam

	- Suatu kejadian atau ancaman rusuhan awam sama ada yang dirancang atau berlaku secara spontan yang dicetuskan oleh Kumpulan yang berkepentingan, sama ada bermotifkan agama, politik, perkauman, ekonomi, social dan lain-lain punca ancaman awam.
APD	- Alat Perlindungan Diri.
Debrief	- After Action Review (AAR)
MKN	- Majlis Keselamatan Negara
CMT	- Crisis Management Team

5.0 PERANAN JBPM SEMASA RUSUHAN/ DARURAT

- 5.1 Ahli dalam Pasukan Pengurusan Operasi Ketenteraman Awam Pusat, Negeri dan Daerah;
- 5.2 Memadam kebakaran;
- 5.3 Mencari dan menyelamatkan;
- 5.4 Melindungi dan mengawal asset alih dan tidak alih Jabatan semasa berlaku darurat;
- 5.5 Tertakluk kepada perenggan 26 Arahan MKN No.21 Peraturan Tetap Operasi Agensi-Agensi, JBPM menggunakan SOP yang telah diluluskan dan sedang berkuatkuasa bagi insiden yang melibatkan darurat; dan
- 5.6 Memberi khidmat nasihat kepada Pengerusi Pasukan Pengurusan Operasi Ketenteraman Awam.

6.0 ASPEK KESELAMATAN

- 6.1 Mewujudkan Pasukan Pengurusan Krisis/*Crisis Management Team* (CMT) JBPM dengan menggunakan struktur Incident Command System di peringkat masing-masing;
- 6.2 Komander Operasi bertanggungjawab menentukan keselamatan dan APD;
- 6.3 Komander Operasi dikehendaki membuat penilaian situasi persekitaran (*environmental assessment*) kebarangkalian kemudahan yang akan berlaku semasa kejadian tersebut serta implikasi ke atas anggota operasi dengan mengambil kira kebarangkalian situasi yang paling kritikal (*worst case scenario*);
- 6.4 Komander Operasi dan anggota hendaklah mengetahui risiko pendedahan kepada bahan-bahan berbahaya termasuk kimia dan biologi berbahaya serta faktor lain yang boleh mengancam keselamatan anggota;
- 6.5 Komander Operasi dan anggota hendaklah sentiasa mendapat perlindungan serta jaminan keselamatan daripada pihak berkuasa terutama sekali jaminan keselamatan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- 6.6 Penempatan jentera dan *holding area* hendaklah dibuat di lokasi yang strategic serta selamat berasas kepada penilaian situasi; dan
- 6.7 Komander Operasi hendaklah sentiasa mendapat informasi keselamatan di lokasi kejadian dari semasa ke semasa dari Pusat Pengurusan Operasi dan Pusat Gerakan Operasi.

7.0 ALAT PERLINDUNGAN DIRI (APD)

- 7.1 Pemakaian alat perlindungan diri secara menyeluruh dan alat pernafasan semasa menghadapi insiden;
- 7.2 Peralatan dan kelengkapan untuk tugas kecemasan dan kebombaian mesti dalam keadaan siapsiaga untuk digunakan; dan

- 7.3 Pergerakan dan pelaksanaan tugas-tugas mesti dalam pasangan (*in buddy*) bagi memastikan APD rakan setugas adalah lengkap serta selamat.

8.0 TINDAKAN KELUARAN OPERASI

8.1 Terima Panggilan

- 8.1.1 PGO hendaklah membuat analisa ke atas panggilan yang diterima;
- 8.1.2 *Notify* pegawai kanan/ pengurusan atasan;
- 8.1.3 Maklum kepada PDRM untuk bantuan perlindungan; dan
- 8.1.4 Respon ke tempat kejadian dengan iringan PDRM.

8.2 Sampai Di Lokasi

- 8.2.1 Menilai dan menganalisis insiden dan persekitaran;
- 8.2.2 Safety briefing;
- 8.2.3 Mesti memakai alat perlindungan diri berserta alat pernafasan;
- 8.2.4 Hazard kebakaran - bersedia dengan sekurang-kurangnya satu aliran hos; dan
- 8.2.5 *Hazard* elektrik - mematikan sumber elektrik dalam kenderaan diputuskan (ditanggalkan atau dipotong).

8.3 Semasa Operasi

- 8.3.1 Pengujudan ruang kerja

8.4 Selepas Operasi

8.4.1 *Debrief*


Hendaklah dilaksanakan samada di lokasi kejadian atau di balai bagi tujuan penambahbaikan. Perlaksanaan untuk kes-kes berskala kecil.

8.4.2 Post Mortem

- Hendaklah dilaksanakan selepas selesai operasi bagi tujuan penyediaan laporan dan penambahbaikan. Perlaksanaan untuk kes-kes berskala besar

9.0 TARIKH KUATKUASA

SOP ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani.



.....
(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ WAHID)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 29.11.2019